

Masih tiada perubahan harga makanan dan minuman di beberapa restoran mamak sekitar ibu kota selepas penurunan harga minyak pada 1 September lalu.

Tinjauan Harian Metro mendapati kebanyakan restoran India Muslim itu masih mengekalkan harga asal walaupun harga minyak sudah turun.

Pekerja swasta, Mohd Mokhsin Musa, 28, berkata, berdasarkan pengamatannya peniaga masih mengekalkan harga lama.

“Setakat ini harga masih sama walaupun harga minyak dah turun terutama harga makanan kerana kedai yang saya pergi masih mengekalkan harga sama.

“Ketika harga minyak melambung dulu pandai pula peniaga menaikkan harga,” katanya.

Menu ringkas seperti nasi putih, ayam goreng dan sayur kubis berserta minuman sirap limau dan air kosong berharga RM7.80 seperti bulan lalu.

Bagi pelajar, Nur Adila Zamzuri, 24, tiada usaha daripada peniaga untuk menurunkan harga makanan dan minuman walaupun harga minyak turun 10 sen.

“Mungkin peniaga hendak menjaga kos dan keuntungan tetapi bagi saya keadaan ini menyukarkan golongan pelajar seperti saya.

“Yang saya tahu semua harga masih sama, masih macam dulu,” katanya.

Sementara itu, Presiden

Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) Noorul Hassan Saul Hameed berkata, pihaknya tidak mampu menetapkan harga makanan dan minuman di setiap restoran mamak kerana perkara itu melanggar Akta Persaingan 2010.

“PRESMA hanya boleh menasihati ahli supaya mengawal harga jualan mereka tetapi tidak dalam menentukan harga jualan kerana perkara itu adalah hak

setiap peniaga.

“Dalam kes ini, individu terbabit perlulah lebih bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan yang sihat tanpa membebankan pengguna serta diri sendiri,” katanya.

Beliau menegaskan, semua pihak perlu berlaku adil dan perkara itu perlu dipandang secara menyeluruh se-

belum sesuatu tindakan diambil.

“Kualiti makanan dan minuman di restoran mamak perlu diambil kira oleh pengguna sebelum mereka mempertikaikan harga yang diletakkan oleh peniaga kerana setiap kedai beroperasi dengan cara berbeza.

“Kami tidak mengubah harga makanan dan minuman sesuka hati. Walaupun

harga minyak turun 10 sen, kos Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kami terpaksa tanggung kerana kami mengimport barang rempah-ratus dari luar negara,” katanya.

Beliau mengulas gesaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan Datuk Hamzah Zainudin supaya peniaga menyertai kempen menurunkan harga barang selaras dengan penurunan harga minyak, baru-baru ini.



ORANG ramai menikmati juadah di kedai mamak.

‘Sama macam dulu’

■ Kos makanan kekal walaupun harga minyak turun 10 sen

FAKTA
PRESMA tiada kuasa
tentukan harga
jualan makanan
di restoran
mamak